



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: MAINPP/PSU/100-19/1/1 Jld.9 (13)

Tarikh: 23 Mac 2023 / 1 Ramadan 1444H

Imam Besar Masjid Negeri Pulau Pinang
Semua Imam Utama Masjid Daerah
Pengerusi Kariah Masjid-Masjid Negeri Pulau Pinang
Pengerusi Surau-surau Negeri Pulau Pinang
Pengerusi Masjid Ghairu Jamek Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan,

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormat saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Dato' / Tuan mengenai peruntukan-peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (“selepas ini dirujuk sebagai *EPAINPP 2004*”) dan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 (“selepas ini dirujuk sebagai **Kaedah**”).

Seksyen 104(2)(b) EPAINPP 2004 menetapkan bahawa “Jawatankuasa Kariah bersama Pegawai Masjid hendaklah bertanggungjawab bagi kelakuan baik anak kariah dalam perkara yang berhubung dengan agama Islam”.

Kaedah 8(2)(i) menegaskan bahawa Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah mengatur semua urusan ibadah dan pelajaran agama di masjid / surau dan mengawal syarahan-syarahan agama dan guru agama dalam kariah.

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG

Kaedah 8(2)(k) pula menegaskan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah menjalankan daya usaha untuk memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam di dalam kariah itu dan berusaha mencari jalan untuk meninggikan taraf hidup dan ekonomi orang-orang Islam serta menambahkan amalan taqwa kepada Allah.

2. Sehubungan dengan itu, selaras dengan kehendak peruntukan enakmen dan kaedah tersebut, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ingin menegaskan perkara-perkara berikut:-

- i) Tidak dibenarkan sesiapa pun untuk mengajar, menyampaikan atau menerangkan mengenai agama Islam termasuk berceramah dan berkutbah di mana-mana masjid atau surau di negeri Pulau Pinang melainkan setelah individu tersebut memiliki tauliah yang dikeluarkan atau mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak berkuasa agama negeri ini;
- ii) Jawatankuasa kariah atau surau boleh menganjurkan sebarang aktiviti berbentuk ceramah agama, usrah, tazkirah, kuliah, perkongsian ilmu agama atau lain-lain dengan memenuhi syarat di perkara (i) di atas;
- iii) Solat fardu lima waktu dan solat sunat berjemaah seperti Solat Tarawih hanya dibenarkan untuk diimamkan oleh Imam lantikan atau yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama negeri;
- iv) Setiap khatib yang bertugas hendaklah membaca sepenuhnya teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sahaja dan tidak boleh dipinda atau ditokok tambah;
- v) Khatib jemputan adalah dilarang daripada menyampaikan khutbah melainkan setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri;

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG

- vi) Setiap kuliah yang disampaikan tidak boleh menyentuh isu-isu politik kepartian dan sensitiviti kaum atau agama serta menjaga adab sopan dari segi bahasa dan penyampaiannya;
- vii) Tidak dibenarkan untuk mengedor, menjual, menggantung, menampal dan memacak sebarang bentuk penerbitan yang mengandungi fahaman, ideologi atau doktrin yang boleh menyentuh sensitiviti mana-mana pihak di bangunan masjid atau surau serta perkarangannya;
- viii) Orang bukan Islam boleh memasuki masjid dan ruang solat dengan keizinan pihak pengurusan masjid dengan syarat menjaga perlakuan dan tingkah laku agar tidak mencemarkan kesucian masjid atau surau;
- ix) Jemputan terhadap individu yang memegang jawatan politik sebagai ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Negara, ahli Dewan Undangan Negeri atau menjadi calon pilihanraya dalam tempoh lima (5) tahun adalah dilarang dari memimpin solat, menyampaikan khutbah atau ceramah atau merasmikan apa-apa program anjuran masjid dan surau di mana-mana masjid atau surau di negeri ini kecuali ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang;
- x) Penganjuran sebarang majlis oleh parti politik atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan parti politik di masjid dan surau atau perkarangannya adalah tidak dibenarkan;
- xi) Penganjuran sebarang majlis oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di masjid dan surau atau perkarangannya adalah dibenarkan dengan syarat mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa agama negeri ini; dan
- xii) Program rasmi anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana-mana masjid atau surau adalah dibenarkan.

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG

3. Arahan ini berkuatkuasa serta merta mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.
4. Justeru, semua jawatankuasa masjid dan surau negeri ini dipohon untuk mematuhi akan peraturan dan arahan ini.
5. Besarlah harapan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar umat Islam di negeri ini dapat mengimarahkan masjid atau surau dengan pelbagai aktiviti dan program pengisian dengan mengikut tatacara yang ditetapkan dan diharapkan masjid dan surau akan kekal sebagai zon yang aman, tenteram dan bebas dari sebarang pengaruh dan unsur politik kepartian. Juga dengan harapan program-program yang dianjurkan akan dapat menyatupadukan dan memperkuatkan perpaduan ummah dalam masyarakat di negeri ini.

“MALAYSIA MADANI”

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI SAMSUDIN BIN BAKAR)

Setiausaha

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

KETETAPAN BERKAITAN TATACARA PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI PULAU PINANG

s.k Yang Berbahagia
Datuk Pengelola Bijaya Diraja
Istana Negara
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur.
(U.P.: YBhg. Datuk Haji Munir bin Hj. Md. Salleh)

Setiausaha Sulit Kepada
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
Seri Mutiara, Jalan Utama
10500 Pulau Pinang.
(U.P.: Encik Mohd. Abdul Rahman bin Ismail)

YB. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Merangkap Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Pejabat TKM1 Pulau Pinang
Tingkat 52, KOMTAR
Pulau Pinang.

YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Ahmad
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, KOMTAR
10503 Pulau Pinang.

YB. Puan Roslinda binti Mohd Shafie
Penasihat Undang-Undang Negeri
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 10, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 Pulau Pinang.

YBhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR
Pulau Pinang.

Tuan Zulkifli bin Rashid
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
Lebuh Pantai
10300 Pulau Pinang.

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah